

## BAB LIMA

### Zakat Pertanian

#### 5.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan sumbangan pertanian kepada ekonomi negara secara langsung melalui kutipan zakat pertanian. Zakat adalah satu ibadat dan pengabaianya sama dengan mengabaikan ibadat yang lain seperti solat, puasa dan haji kerana zakat adalah rukun Islam yang kelima. Semasa pemerintahan Abū Bakr, segolongan umat Islam bertindak cuba mengingkari perintah menunaikan zakat lalu Abū Bakr memerintahkan supaya golongan ini diperangi (Al-Balādhurī, 1983 : 103).

Dalam sistem ekonomi Islam, zakat bertindak sebagai mekanisme agihan kekayaan yang dipungut daripada lebihan kekayaan baik dari hasil perniagaan, hasil pendapatan pergajian, hasil pertanian, ternakan, perlombongan dan sebagainya. Fokus kajian ini ialah zakat ke atas produk pertanian dan perkara yang berkaitan dengannya.

#### 5.2 Definisi Zakat

Zakat berasal daripada perkataan *zakā*. Definisi dari segi bahasa mempunyai beberapa makna, antaranya digunakan untuk maksud berkembang dan bertambah. Konsep bertambah dan berkembang mempunyai pengertian yang dalam. Walaupun secara zahirnya apabila seseorang mengeluarkan zakat, fizikal hartanya akan berkurang. Kekurangan ini dilihat kerana melalui akuan pendapatannya, zakat akan dimasukkan ke dalam bahagian wang keluar. Hakikatnya, zakat dikatakan bertambah dan berkembang kerana pengeluar zakat itu akan memperoleh pertambahan pahala dan keberkatan hartanya daripada Allah (Al-Syawkānī, 1994, jil. 1 : 95). Zakat juga

membawa maksud suci dan bersih. Secara khusus apabila disebut zakat harta, ia akan membawa makna membersihkan harta (Ibn Manzūr, 1994, jil. 14 : 358).

Dalam konteks istilah secara menyeluruh zakat ialah membelanjakan harta untuk mensucikan harta dan menambah pahala sebagaimana firman Allah yang bermaksud (**Al-Tawbah** : 103):

Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk).

Harta-harta yang diwajibkan zakat secara umumnya diletakkan ke dalam beberapa kategori iaitu emas dan perak, bahan galian, barang-barang perniagaan, tanaman dan buah-buahan serta binatang ternakan (Al-Bahūtī, 1999, jil. 2 : 232). Berasaskan kategori asas ini, pengenaan zakat ke atas harta-harta lain sentiasa bertambah sesuai dengan perkembangan aktiviti ekonomi manusia itu sendiri seperti zakat ke atas saham, wang simpanan dan sebagainya.

### 5.3 Dalil Kewajipan Zakat Secara Umum

Suruhan mengeluarkan zakat diwajibkan berdasarkan firman Allah yang bermaksud (**Al-Baqarah** : 43):

Tunaikanlah olehmu zakat.

Lafaz *ātū* yang bermaksud tunaikan olehmu. Dari segi bahasa Arabnya telah digunakan lafaz dengan *fī'l amr* yang merupakan kata kerja perintah yang membawa kepada hukum wajib dilakukan. Jika ditinggalkan boleh membawa kepada berdosa (Al-Qurṭubī, 1995, jil 1 : 343).

Firman Allah lagi yang bermaksud (**Al-Mu'minūn** : 1-4) :

Sesungguhnya telah berjaya orang yang beriman. Iaitu mereka yang *khusyu'* dalam sembahyangnya. Dan mereka yang

menjaukan diri daripada perkara yang melalaikan dan mereka yang mengeluarkan zakat.

#### 5.4 Dalil Kewajipan Zakat Hasil Pertanian

Majoriti sarjana Islam bersetuju bahawa zakat ke atas hasil pertanian atau lebih dikenali dengan istilah ‘usyr adalah satu kewajipan yang ditentukan oleh al-Quran serta *hadīth* secara *ijmā‘*. Firman Allah (**Al-An‘ām** : 141) yang bermaksud :

Dan Dialah yang menjadikan kebun-kebun yang berjunjung dan tidak berjunjung, pohon kurma, hasil tanaman yang beraneka jenis rasanya, zaitun dan delima yang serupa dan tidak serupa. Makanlah buahnya apabila berbuah dan bayarlah kewajipan zakat pada hari memetik hasil.

Firman Allah lagi (**Al-Baqarah** : 267) yang bermaksud :

Wahai orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha yang baik, dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu.

Manakala *hadīth* Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar pula menjelaskan (*Abū ‘Ubayd*, 1988 : 577) :

Apa yang disirami oleh air hujan atau disirami oleh air mata air sepuluh peratus dan apa yang diairi oleh pengangkutan dikenakan zakat sebanyak lima peratus.

*Hadīth* yang lain diriwayatkan oleh Jābir bin ‘Abd Allāh bahawa Rasulullah SAW bersabda (*Muslim*, 1997, jil. 7 : 57) maksudnya :

Apa yang disirami oleh sungai dan air hujan dikenakan satu persepuuh dan apa yang disirami dengan air yang diangkut daripada perigi sebanyak satu perdua puluh.

## 5.5 Sifat-sifat Tanaman Yang Diwajibkan Zakat

Semua sarjana Islam bersetuju bahawa hasil pertanian diwajibkan zakat, tetapi mereka tidak sependapat dalam menentukan jenis-jenis hasil pertanian yang diwajibkan zakat. Al-Quran dan *hadīth* tidak menyatakan senarai tanaman yang dikenakan zakat secara terperinci, cuma nas-nas tersebut secara umumnya menyatakan bahawa hasil pertanian diwajibkan zakat. Oleh itu dalam membuat tafsiran terhadap dalil Al-Quran dan *hadīth* yang umum itu, para sarjana Islam telah mengemukakan pelbagai teori tentang tanaman yang diwajibkan zakat. Teori yang mereka kemukakan berdasarkan metodologi masing-masing dalam memahami al-Quran dan *hadīth* serta dipengaruhi oleh tahap pemikiran serta keintelektualan mereka dalam menghuraikan sesuatu nas.

Selain dalil umum ayat Al-Quran di atas terdapat *hadīth* Rasulullah ŠAW yang dijadikan sebagai asas dalam menentukan tanaman-tanaman yang diwajibkan zakat. Menurut sumber *hadīth* Rasulullah ŠAW hanya mengenakan zakat kepada empat jenis tanaman sahaja sebagaimana dicatatkan oleh Abū Ḥubayd (1988 : 567):

Müsā bin Abū Ṭalḥah berkata Rasulullah ŠAW memerintahkan Mu‘az bin Jabal ke Yaman dan menyuruhnya mengambil zakat daripada gandum, biji gandum, kurma dan anggur.

Berdasarkan *hadith* ini, Ibn ‘Umar dan sebahagian tabi‘in seperti Müsā bin Ṭalhah, Al-Hassan, Ibn Sirīn, Al-Sya‘bī, Al-Hassan bin Šāleh, Ibn Abī Lailā, Ibn Al-Mubārak dan Abū Ḥubayd (Ibn Qudāmah, 1997, jil. 2 : 156) berpendapat zakat hanya diwajibkan ke atas tanaman yang telah dipungut zakatnya semasa zaman Rasulullah ŠAW iaitu gandum, biji gandum, anggur dan kurma. Berdasarkan amalan Rasulullah ŠAW itu, mereka berpendapat hanya tanaman tersebut sahaja yang diwajibkan zakat dan tidak boleh diqiyāskan kepada tanaman lain. Oleh itu tanaman-tanaman lain tidak diwajibkan zakat.

Para sarjana Islam yang terkemudian telah mentafsir ayat al-Quran dan *hadīth* tersebut mengikut kesesuaian semasa. Mereka telah mengembangkan skop tanaman yang

diwajibkan zakat berasaskan pemikiran mereka sendiri tetapi masih dalam konteks tidak lari dari asas yang telah digariskan oleh ayat al-Quran dan ḥadīth di atas. Oleh itu dalam menentukan jenis tanaman yang diwajibkan zakat, terdapat beberapa persamaan dan perbezaan pada ciri-ciri tanaman yang diambil kira oleh para fuqaha' sebagai indikator bahawa tanaman tersebut mestilah dikeluarkan zakat.

Oleh itu dalam menentukan jenis tanaman yang diwajibkan zakat mereka telah menyimpulkan bahawa hanya tanaman yang mempunyai ciri tertentu sahaja yang diwajibkan zakat iaitu :

#### **i. Tanaman Makanan Yang Dapat Disimpan Lama Dan Dikeringkan**

Mālik (Al-Dusūqī, 1996, jil. 2 : 30 ) dan Al-Syāfi‘ī (2001, jil. 2 : 260) berpendapat zakat pertanian diwajibkan ke atas tanaman makanan yang boleh disimpan lama dan boleh dikeringkan dari jenis biji-bijian seperti gandum, padi, biji gandum, jagung dan sebagainya. Manakala buah-buahan pula hanya diwajibkan ke atas kurma dan anggur sahaja.

#### **ii. Tanaman Makanan Yang Boleh Disimpan, Dikering, Ditimbang Atau Disukat**

Mazhab Ḥanbalī (Ibn Qudāmah, 1997, jil. 4: 155) berpendapat zakat dikenakan kepada semua jenis tanaman makanan asasi atau makanan bukan asasi yang boleh ditimbang, disimpan, dikeringkan serta diusahakan penanamannya oleh manusia. Oleh itu tanaman makanan yang mempunyai sifat-sifat tersebut wajib dikeluarkan zakat contohnya gandum, padi, jagung, kacang dal, anggur, kurma, badam, pistacio dan sebagainya.

Menurut Al-Bahūtī (1999, jil.2 : 268-269) disyaratkan tanaman tersebut jenis yang boleh ditimbang kerana ḥadīth Rasulullah ﷺ ada menyebut:

Apa yang tidak mencukupi lima *awṣaq* tidak dikenakan sedekah (zakat).

Pada pandangan beliau, jika tanaman itu jenis yang tidak ditimbang atau disukat tentulah tidak dikenakan zakat kerana hanya yang mencukupi syarat lima *wasaq* sahaja yang diwajibkan zakat. Tanaman yang tidak ditimbang atau disukat, haruslah ditentukan bahawa ianya sudah mencukupi kadar lima *wasaq*. Oleh itu, kesimpulan beliau bagi tanaman yang tidak disukat tidak perlu dikeluarkan zakatnya.

### iii. Semua Jenis Tanaman

Abū Ḥanīfah berpendapat bahawa semua jenis hasil tanaman yang mengeluarkan produktiviti yang boleh dimanfaatkan, diwajibkan zakat sama ada tanaman makanan mahupun tanaman bukan makanan. Walau bagaimanapun, beliau mengecualikan tanaman yang jarang ditanam seperti pokok buluh, kayu, ganja dan sebagainya. Abū Ḥanīfah juga tidak mensyaratkan tanaman yang dikenakan zakat itu tahan disimpan lama sebagaimana yang disyaratkan oleh majoriti para sarjana Islam yang lain. Oleh itu, beliau berpendapat sayur-sayuran juga diwajibkan supaya dikeluarkan zakat (Al-Zaila‘ī, 2000, jil. 2 : 101).

Hujah yang dikemukakan oleh beliau bahawa semua jenis tanaman dikenakan zakat ialah berdasarkan firman Allah (**Al-Baqarah** : 267) yang bermaksud :

Wahai orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha yang baik, dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu.

Abū Ḥanīfah berpendapat bahawa ayat ini secara umumnya mengatakan bahawa semua jenis tanaman yang dikeluarkan oleh bumi adalah dikenakan zakat dan tidak ada nas yang menskopkan kepada tanaman yang tertentu (Al-Zaila‘ī, 2000, jil. 2 : 102).

Seterusnya ḥadīth Rasulullah SAW yang bermaksud :

Apa yang disirami oleh sungai dan air hujan dikenakan satu persepuluh dan apa yang disirami dengan air yang diangkut daripada perigi sebanyak satu perdua puluh.

Abū Ḥanīfah berpendapat bahawa zakat dikenakan kepada semua jenis tanaman kerana objektif zakat itu adalah pengagihan kekayaan untuk membantu orang fakir dan miskin. Sekiranya zakat hanya diwajibkan kepada empat jenis tanaman makanan sahaja, tentulah tidak mencapai objektif syarak kerana peladang epal, pear, kapas dan sebagainya juga mempunyai kekayaan hasil daripada bumi. Kekayaan ini patut juga diagihkan kepada orang lain. Dalam hal ini, Abū Ḥanīfah melihat bahawa objektif zakat sebagai pengagih kekayaan adalah lebih utama berbanding mengecilkan skopnya kepada tanaman tertentu sahaja. Sedangkan semua tanaman adalah hasil daripada kesuburan bumi yang dikurniakan oleh Allah (Al-Kāsānī, 1998, jil. 2 : 170).

### **5.6 Jenis Tanaman Yang Diwajibkan Zakat**

Berdasarkan ciri-ciri tanaman yang dibincangkan, penyelidik akan membincangkan dengan lebih terperinci tanaman-tanaman yang diwajibkan zakat berdasarkan kategori tanaman:

#### **i. Tanaman Biji-bijian**

Tanaman bijian ialah tanaman yang mengeluarkan hasil yang berbentuk biji seperti padi, jagung, sekoi, kacang tanah, kacang soya, kacang hijau dan sebagainya (Mohd Idris Zainal Abidin, 1989 : 1). Tanaman bijian ini sama ada tanaman makanan asasi mahupun makanan sampingan bergantung kepada budaya sesuatu tempat. Contohnya gandum adalah makanan asasi di barat manakala nasi adalah makanan asasi di Asia Tenggara.

Mālik (1999, jil. 1 : 251), Al-Syāfi‘ī (2001, jil. 2 : 260), Abū Yūsuf (Al-Kāsānī, 1998, jil. 2 : 179) dan Al-Bahūtī (1999, jil. 2 : 269) bersetuju bahawa terdapat beberapa jenis biji-bijian yang diwajibkan zakat. Antara tanaman bijian yang diwajibkan zakat ialah seperti gandum, *syair*, padi, ‘adas dan lain-lain bijian dalam kategori yang sama. Dalil mereka (Al-Khaṭīb Al-Syarbīnī, 1997, jil. 1 : 565-566) ialah diqiyaskan kepada sifat

tanaman yang dipungut zakat ketika Rasulullah SAW dengan menghantar Mūsā Al-Ash'arī dan Mu'adh ke Yaman :

Jangan diambil sedekah kecuali daripada empat perkara iaitu sya'ir, hintah, tamar dan zabib.

Dalam hal ini Al-Khaṭīb Al-Syarbinī (1997, jil. 1 : 566) berpendapat zakat hanya diwajibkan kepada tanaman bijian yang menjadi makanan asasi sahaja kerana makanan ruji ini penting dalam diet manusia dan ia sebagai bahan asas dalam pembentukan fizikal seseorang manusia. Oleh itu biji-bijian yang boleh disimpan dan dikeringkan sekiranya bukan merupakan makanan asasi sesuatu negara, tidak akan dikenakan zakat.

Al-Dusūqī (1996, jil. 2 : 30) pula menambah bahawa zakat diwajibkan juga ke atas tanaman biji-bijian yang lain seperti kekacang dan bijian yang boleh mengeluarkan minyak seperti *zaitun*, lenga, *qırılmı̄* dan biji lobak merah. Antara jenis kekacang yang dikenakan zakat ialah kacang putih, kacang pul, kacang panjang, kacang dal, kacang hijau, *julban* dan *basilah*. Biji-bijian yang lain ialah gandum, *sult* (sejenis barli yang tidak ada kulit), *‘alas* (sejenis kacang di negara Yaman), jagung, *dukhum* (biji-bijian seakan-akan gandum) dan padi.

Menurut Al-Bahūtī (1999, jil. 2 : 269) bijian yang dikenakan zakat ialah yang dapat disukat dan disimpan seperti gandum, barli, *sult*, jagung, dan kacang seperti kacang pul, kacang, kacang putih, kacang panjang, kacang dal, *masy*, *turmus* (biji lebar tetapi lebih kecil daripada pul), *dukhum*, padi, *hartuman* (iaitu termasuk *jalbanah*, *karsanah*, halba, *kashkash* dan bijan) dan alas (sejenis gandum yang disimpan dengan kulit).

Al-Bahūtī (1999, jil. 2 : 269) juga berpendapat zakat dikenakan pada benih biji-bijian, seperti *endive*, biji daun *suf*, bawang, biji kapas dan lain-lain. Begitu juga bagi biji-bijian yang ringan yang boleh diterbangkan oleh angin seperti biji ketumbar, jintan manis, *kaskas*, biji *raziyanj*, biji sawi, biji kapas, biji labu, biji terung, *khass* dan lobak. Beliau turut mengenakan zakat pada biji-biji sayuran seperti *rasyid*, biji lobak putih dan biji *qurtum* (biji yang mengeluarkan warna).

## ii. Tanaman Buah-buahan

Buah-buahan yang tumbuh di sesuatu tempat adalah berlainan berdasarkan iklim sesuatu tempat, contohnya buah-buahan sitrus seperti epal, oren, kiwi, lai, pear dan sebagainya tumbuh di kawasan Mediteranean. Buah kurma pula tumbuh di kawasan gurun yang panas. Manakala buah-buahan tropika seperti durian, rambutan, ciku dan sebagainya tumbuh di kawasan tropika dan khatulistiwa. Sifat kesemua buah-buahan itu juga berlainan dan cara pemakanan buah-buahan tersebut juga berbeza. Ada buah-buahan yang dimakan segar, kering, jeruk, salai dan sebagainya bergantung kepada jenis buah-buahan dan budaya penduduk sesuatu tempat.

Dalam menentukan apakah jenis buah-buahan yang diwajibkan zakat, terdapat perbezaan pandangan di kalangan para fuqaha'. Mālik (*Saḥnūn*, t.t, jil. 1 : 342), Al-Syāfi'ī (2001,jil.2 : 271) dan Al-Khaṭīb Al-Syarbinī (1997, jil. 1 : 565-566) berpendapat hanya buah *tamar* dan anggur sahaja yang diwajibkan zakat. Buah-buahan selain kedua-duanya iaitu *al-qatha'*, tembikai, delima, *tin*, epal, kelapa, buah badam dan lain-lain tidak dikenakan zakat. Zakat juga tidak dikenakan ke atas biji kapas, ubi sengkuang, kelapa, buah badam dan lain-lain (Mālik, 1999, jil. 1 : 255).

Al-Bahūtī (1999, jil. 2 : 269-270) berpendapat buah-buahan yang diwajibkan zakat juga mesti mempunyai ciri-ciri boleh dikeringkan, disimpan lama, dan disukat seperti buah kurma, anggur, badam, berangan, *fustuq*, dan *simaq*. Sebaliknya bagi buah-buahan yang tidak boleh disimpan lama, tidak boleh dikeringkan dan tidak ditimbang atau tidak disukat seperti buah plum, epal, *tin*, jambu batu, delima, pisang dan buah kelapa tidak dikenakan zakat.

Abū Yūsuf juga (Al-Kāsānī, 1998, jil. 2 : 181) berpendapat hanya buah-buahan yang boleh dikeringkan dan boleh disimpan lama sahaja diwajibkan zakat seperti kurma, anggur, buah *tin*, buah lai, buah plum dan buah pear.

Sebaliknya Abū Ḥanīfah (Al-Kāsānī, 1998, jil. 2 : 178-179) pula berpendapat semua jenis buah-buahan diwajibkan zakat sama ada buah-buahan dimakan kering atau

dimakan basah. Bagi beliau tiada perbezaan antara buah-buahan tersebut kerana yang penting buah-buahan itu adalah hasil daripada pertanian dan mesti dikeluarkan zakat.

### **iii. Tanaman Sayuran**

Terdapat pelbagai jenis sayuran seperti terung, labu, timun, salad, sengkuang, cili dan sebagainya. Mālik (1999, jil. 1 : 255), Al-Bahūtī (1999, jil. 2 : 270) dan Abū Yūsuf (Al-Kāsānī, 1998, jil. 2 : 179) berpendapat bahawa sayur-sayuran tidak dikenakan zakat. Pandangan ini diasaskan kepada ḥadīth riwayat ‘Alī (Al-Bahūtī, 1999, jil. 2 : 270 & Al-Kāsānī, 1998, jil. 2 : 179) bahawa Rasulullah ﷺ bersabda maksudnya :

Tidak dikenakan zakat pada sayuran.

Hanya Abū Ḥanīfah (Al-Kāsānī, 1998, jil. 2 : 179) sahaja yang berpendapat sayur-sayuran diwajibkan zakat. Hujah beliau bahawa sayur wajib dikeluarkan zakat kerana sayur adalah hasil sebenar yang dikeluarkan oleh bumi. Maksudnya sayur-sayuran hasil secara langsung daripada tanah manakala biji-bijian dan buah-buahan bukanlah hasil bumi sebenar sebaliknya adalah produk daripada pokok yang tumbuh di atas tanah.

### **iv. Tanaman Makanan Lain**

Maksud tanaman makanan lain ialah tanaman makanan yang tidak termasuk dalam kategori biji-bijian, buah-buahan dan sayur-sayuran seperti tebu, ketumbar, jintan, halia, lengkuas, serai, halba, kunyit, dan sebagainya. Tanaman kategori ini dikenakan zakat oleh Abū Ḥanīfah (Al-Kāsānī, 1998, jil. 2 : 179) kerana tanaman tersebut merupakan hasil dari kesuburan bumi.

Al-Bahūtī (1999, jil. 2 : 270) berpendapat tanaman seperti tebu dan sebagainya tidak dikenakan zakat kerana tiada nas yang mewajibkan zakat ke atas tanaman tersebut.

Bagi Abū Ḥanīfah (Al-Kāsānī, 1998, jil.2 : 178-179) sebarang tanaman makanan yang mendatangkan hasil diwajibkan zakat seperti tebu dan sebagainya.

#### v. Tanaman Bukan Makanan

Tanaman bukan makanan adalah seperti bunga-bungaan, getah, rotan, kapas dan sebagainya tetapi menjadi barang kegunaan manusia.

Al-Bahūtī (1999, jil. 2 : 270) berpendapat bahawa tanaman bukan makanan adalah seperti bunga-bungaan, kapas, linen, kasturi, daun-daun kurma dan sebagainya kerana kesemua tanaman ini tidak ada nas dan tidak boleh disamakan dengan tanaman-tanaman lain yang mempunyai nas. Sebaliknya beliau berpendapat zakat diwajibkan kepada *ṣaṭar*, *asynān*, daun bidara, *khiṭmī* dan *āsī* kerana ia adalah tanaman yang boleh disukat dan disimpan.

Bagi Abū Ḥanīfah (Al-Kāsānī, 1998, jil.2 : 178-179) kayu api, pelepas jerami, tebu parsii dan sebagainya tidak diwajibkan zakat, tetapi sekiranya petani menanam tanaman tersebut untuk tujuan komersial, maka wajib mengeluarkan zakat, contohnya petani mengusahakan ladang rumput dan dilarang orang ramai memasuki ladang tersebut. Ini kerana rumput yang ditanam itu mempunyai nilai komersial bagi petani dan bukan tumbuh dengan sendiri sebaliknya tanaman rumput tersebut merupakan satu perusahaan.

#### 5.7 Jenis-Jenis Tanaman Di Malaysia

Dalam konteks perkembangan sains dan teknologi pertanian, kita melihat bahawa satu pengistilahan semula perlu dikaji terhadap tanaman yang diwajibkan zakat. Jika kita melihat pada nas, secara umum sebagaimana pendapat Abū Ḥanīfah semua tanaman diwajibkan zakat kerana nas tidak membataskan apakah kategori tanaman yang

dikenakan zakat. Dari aspek konsep zakat pula, zakat adalah satu mekanisme agihan kekayaan kepada golongan fakir dan miskin.

Di Malaysia, terdapat pelbagai hasil tanaman sama ada tanaman bijian, buah-buahan, sayur-sayuran, rempah, tanaman bukan makanan dan sebagainya. Tanaman tersebut mempunyai kepentingannya masing-masing. Dari segi tanaman makanan, walaupun buah-buahan bukanlah makanan asasi tetapi diperlukan dalam diet seseorang untuk memastikan tubuh mendapat zat yang seimbang. Kelapa sawit pula walaupun bukan makanan asasi, tetapi merupakan barang keperluan asasi kerana kebanyakan aktiviti memasak memerlukan minyak masak. Begitu juga dengan getah. Walaupun getah bukan makanan asasi manusia, tetapi ia telah menjadi barang keperluan dalam urusan kehidupan manusia seperti untuk dibuat tayar kenderaan dan lain-lain peralatan.

Dari segi sumbangan tanaman tersebut terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pula, kelapa sawit adalah antara penyumbang terbesar kepada eksport negara. Begitu juga dengan beberapa tanaman lain seperti getah, koko, lada hitam, buah-buahan dan sebagainya yang memberi sumbangan besar kepada KDNK dan ini bermakna pendapatan pengusaha pertanian tersebut juga tinggi.

Di Malaysia kita hanya mengenakan zakat kepada zakat padi semata-mata atas dasar padi adalah tanaman makanan asasi mengikut pandangan mazhab Syāfi‘ī. Sedangkan pengusaha tanaman lain seperti kelapa sawit, getah, koko, buah-buahan dan sayur-sayuran juga memperoleh pendapatan yang lebih besar atau hampir sama juga dengan penanam padi. Di sini kita melihat sama ada objektif zakat sebagai mekanisme agihan kekayaan telah berfungsi secara adil kepada masyarakat Islam atau tidak.

Jika para sarjana Islam menetapkan bahawa tanaman yang boleh disimpan dan boleh dikeringkan sebagai sifat tanaman yang dikenakan zakat, timbul persoalan kedudukan tanaman yang diproses menggunakan teknologi moden dan boleh juga disimpan dalam tempoh yang lama seperti buah-buahan yang ditinkan seperti nenas, laici, rambutan dan lain-lain.

Malahan teknologi yang berkembang membolehkan juga buah-buahan disimpan lama dengan kaedah pengawetan, pengetinan dan pengeringan seperti buah nangka, pisang, rambutan, nenas dan sebagainya. Malah kebanyakan tanaman pada masa ini dikomersialkan dan pengusaha tanaman memperoleh banyak keuntungan daripada projek tanaman mereka. Di samping itu terdapat beberapa industri berasaskan pertanian seperti:

- i. Industri berasaskan getah;
- ii. Industri berasaskan kayu;
- iii. Industri pengetinan makanan;
- iv. Pengilangan beras;
- v. Penapisan minyak kelapa sawit.; dan
- vi. Kilang gula dan penapisan gula

### **5.8 Nisab Zakat Pertanian**

Nisab ialah kadar yang ditentukan oleh syara<sup>c</sup> sebagai kayu ukur harta seseorang wajib dikeluarkan zakat atau sebaliknya. Contoh, nisab perak ialah 200 *dirham* dan nisab unta lima ekor unta (Ibn Manzūr, 1994, jil. 1 : 761). Sekiranya harta seseorang tidak mencapai paras nisab yang ditetapkan maka seseorang itu tidak perlu mengeluarkan zakat walaupun memiliki harta-harta yang diwajibkan zakat.

Dalam menentukan kadar nisab tanaman dan buah-buahan terdapat dua pendapat. Satu pendapat mengatakan tidak perlu nisab dan satu pendapat lain mengatakan perlu memenuhi kadar nisab sebelum dikenakan zakat.

## i. Golongan Berpendapat Tidak Disyaratkan Nisab Pada Zakat Tanaman

Abū Ḥanīfah (Al-Zailātī, 2000, jil. 2 : 102) tidak mensyaratkan nisab pada tanaman. Oleh itu wajib dikeluarkan zakat sama ada tanaman yang diperoleh sedikit atau banyak, kerana umumnya firman Allah (**Al-Baqarah** : 267):

Wahai orang yang beriman belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu.

Firman Allah lagi (**Al-Anfās** : 141) :

Dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya.

Juga sabda Rasulullah ﷺ yang bermaksud :

Apa yang disiram oleh langit (hujan) maka padanya dikenakan *‘usyr*. Dan apa yang disiram dengan baldi besar atau kisaran maka padanya dikenakan *nisf ‘usyr* (1/20).

Menurut Abū Ḥanīfah (Al-Zailātī, 2000, jil. 2 : 102), kesemua dalil ini tidak menjelaskan bahawa zakat dikenakan pada hasil tanaman yang banyak atau sedikit. Tambahan pula, sebab wajib zakat tanaman ialah kerana kesuburan tanah yang mengeluarkan hasil tanpa dibezakan antara hasil yang banyak dan sedikit.

## ii. Golongan Berpendapat Disyaratkan Nisab Pada Zakat Tanaman

Mālik (1999, jil. 1 : 253), Al-Syāfi‘ī (2001, jil. 2 : 248) Abū Yūsuf (Al-Kāsānī, 1998, jil. 2 : 180) dan Al-Bahūtī (1999, jil. 2 : 271) sepakat bahawa tanaman tersebut perlu mencukupi nisab sebelum dikeluarkan zakat. Oleh itu tidak wajib zakat pada tanaman dan buah-buahan sehingga mencapai lima *wasaq* iaitu sebanyak 60 gantang mengikut gantang Rasulullah ﷺ. Hujah mereka adalah berdasarkan sabda Rasulullah ﷺ yang bermaksud :

Pada (tanaman dan buah-buahan) yang tidak sampai lima *wasaq* tidak dikenakan zakat.

Zakat dikenakan kepada orang kaya, oleh itu perlu ada satu mekanisme tertentu yang boleh menentukan seseorang itu kaya dan layak mengeluarkan zakat. Cara menetapkan had perolehan hasil tanaman sebanyak lima *wasaq* dianggap sebagai satu indikator bahawa petani itu memperoleh hasil yang lebih dan wajib dikeluarkan zakat.

Al-Khaṭīb al-Syarbīnī (1997, jil. 1 : 566) telah membandingkan nilai nisab zakat pertanian sebanyak 5 *wasaq* dengan nilai sukatian lain iaitu :

1 <i>wasaq</i>	=	60 gantang
5 <i>wasaq</i>	=	300 gantang
1 gantang	=	4 cupak
5 <i>wasaq</i>	=	4 cupak X 300 gantang
	=	1200 cupak

### 5.9 Kaedah Sukatan Untuk Menentukan Lima *Wasaq*

Hasil tanaman yang disukat untuk menentukan ianya mencukupi nisab perlu dibezakan cara sukatannya sekiranya tanaman itu ditimbang bersama kulit atau setelah dibersihkan kulitnya. Tanaman itu juga dikira lima *wasaq* setelah dikeringkan dan bukan dalam keadaan basah.

Biji-bijian dan buah-buahan dikira lima *wasaq* setelah dibersihkan dan diasinkan daripada hampa dan kulitnya. Ia tidak disimpan bersama kulitnya dan tidak dimakan bersamanya. Tetapi bagi biji-bijian yang disimpan di dalam kulitnya seperti padi dan alas, maka nisabnya ialah 10 *wasaq* kerana dikira sekali dengan kulitnya. Biji-bijian ini selalunya disimpan bersama kulit untuk memastikan ianya tahan disimpan lama (Al-Bahūtī, 1999, jil. 2 : 272).

Dalam persoalan ini, Abū Ḥanīfah tidak mengambil kira nisab. Oleh itu sama ada tanaman tersebut ditimbang bersama kulit atau ditimbang setelah kering tidak diperbincangkan kerana beliau tidak mensyaratkan perlunya cukup nisab. Perbincangan para sarjana Islam juga lebih tertumpu kepada tanaman bijian dan buah *tamar* dan *zabib* sahaja kerana majoriti mereka hanya mengenakan zakat kepada tanaman ini sahaja dan tidak mengenakan zakat ke atas sayur-sayuran, buah-buahan lain, tanaman makanan lain dan tanaman-tanaman selainnya.

#### i. Tanaman Jenis Yang Sama

Biji-bijian jenis yang sama seperti padi mempunyai pelbagai nama dan mutu yang berbeza. Begitu juga kurma dan anggur terdapat pelbagai jenis kurma dan anggur dengan mutu yang berbeza. Sekiranya seorang petani menanam pelbagai jenis padi seperti jenis malinja, ria, mahsuri dan sebagainya, petani tersebut boleh mencampurkan kesemua jenis padi tersebut untuk mencukupkan sukatan sebanyak lima *wasaq*.

Mālik (Saḥnūn, t.t, jil. 1 : 384) berpendapat, bijian jenis kekacang boleh dicampurkan untuk mencukupkan nisab walaupun kekacang itu jenis berlainan. Walaupun ia terdiri dari pelbagai spesis kekacang iaitu kacang putih, kacang pul, kacang panjang, kacang dal, *turmus*, *julban* dan *basilah*. Ia boleh dikira satu jenis kekacang dalam zakat. Jika campuran kesemuanya mencukupi nisab zakat atau campuran dua jenis daripadanya sudah mencukupi nisab zakat ,hendaklah dikeluarkan zakat dengan dikeluarkan manapun jenis sebagai mengganti jenis yang lain. Begitu juga dengan *qamh*, *sya'īr* dan *sult* adalah dari spesis gandum dan dikira satu jenis oleh itu kesemuanya boleh dicampurkan antara satu dengan yang lain.

Al-Khaṭīb Al-Syarbīnī (1997, jil. 1 : 569) juga berpendapat ‘*alas* boleh dicampurkan dengan *hintah* (gandum) kerana kedua-duanya adalah sejenis iaitu gandum yang menjadi makanan asasi di negeri Yaman.

Al-Bahūtī (1999, jil. 2 : 273) juga sependapat bahawa biji-bijian dalam jenis dan kategori yang sama boleh dicampurkan untuk mencukupkan lima *wasaq*.

## ii. Tanaman Berlainan Jenis

Menurut Al-Syāfi‘ī (2001, jil. 2 : 262) dan Al-Bahūtī ( 1999, jil. 2 : 273), bagi biji-bijian dan buah-buahan yang berlainan jenis, ia tidak boleh dicampur sekali untuk mencukupkan lima *wasaq*. Contohnya padi dan jagung tidak boleh dicampur kerana ianya jenis yang berlainan walaupun kedua-duanya adalah dari jenis biji-bijian. Sukatan lima *wasaq* dikira secara berasingan bagi kedua-dua jenis bijian tersebut.

## 5.10 Kos Pengeluaran Pertanian Dan Kos Sara Hidup Petani

Dari segi pelaksanaan pengeluaran zakat pertanian, terdapat beberapa perkara penting yang menjadi perbincangan di kalangan para sarjana Islam, iaitu kewajaran kos pengeluaran pertanian dan kos sara hidup ditolak terlebih dahulu sebelum dikira nisab zakat pertanian. Persoalan yang timbul ialah adakah zakat dikeluarkan apabila cukup nisab dengan ditolak kos pengeluaran dan kos sara hidup terlebih dahulu, atau tidak diambil kira kedua-dua kos tersebut.

### i. Kos Pengeluaran Pertanian

Majoriti sarjana Islam berpendapat bahawa kos pengeluaran mestilah ditanggung oleh petani dan nisab zakat dikira apabila ada hasil tanpa menolak kos pengeluaran terlebih dahulu (Al-Zaila‘ī, 2000, jil. 2 : 102). Menurut mereka Rasulullah ﷺ telah membezakan kadar pengeluaran zakat bagi tanaman yang menggunakan pengairan semula jadi dan pengairan yang menggunakan tenaga:

Apa yang disiram oleh langit (hujan) maka dikenakan *‘usyr* dan apa yang disiram dengan baldi besar maka dikenakan *nisf ‘usyr*.

Berdasarkan hujah ini, maka perbelanjaan-perbelanjaan mesti ditanggung oleh petani dan zakat diwajibkan ke atas semua hasil tanpa dipotong perbelanjaan.

Oleh itu kadar pengeluaran zakat pertanian ialah 10 peratus atau 5 peratus berdasarkan kepada bentuk pengairan tanaman tersebut (Al-Bahūtī, 1999, jil. 2 : 274 & Al-Kāsānī, 1998,jil.2 :185). Menurut Al-Bahūtī (1999, jil. 2 : 274) kadar 10 peratus dikenakan jika pengairan yang sampai ke ladang tidak mengeluarkan modal yang banyak atau kerja yang berat kerana beban pengairan menyebabkan tinggi rendahnya kadar tersebut. Tanaman yang dikenakan zakat pada kadar 5 peratus ialah tanaman yang diairi dengan bantuan binatang, kincir air, jentera dan sebagainya. Dalil mereka ialah sabda Rasulullah SAW seperti dinyatakan dahulu iaitu :

Tanaman yang disiram oleh hujan dan mata air yang melimpah tanaman tersebut atau melalui parit atau saliran dikenakan zakat 1/10 dan tanaman yang disirami dengan baldi adalah dikenakan 1/20.

Walau bagaimanapun, dalam suasana perkembangan teknologi yang moden ini pelbagai kos terpaksa ditanggung oleh petani seperti kos baja, racun, biji benih, penyewaan jentera dan sebagainya. Kos-kos ini dilihat agak membebankan para petani kerana pendapatan bersih mereka akan berkurang setelah ditolak segala kos-kos bahan input dan kos tenaga kerja tersebut.

Walaupun majoriti para sarjana Islam berpendapat bahawa tidak perlu menolak kos pengeluaran, tetapi demi menjaga kebijakan petani, wajar kos pengeluaran ditolak terlebih dahulu sebelum dikira nisab zakat mereka. Dari segi amalan, kita dapati bahawa penaksir zakat yang ditugaskan menaksir zakat petani diminta supaya menjaga kebijakan petani dan dilarang terlalu ketat dalam membuat taksiran mereka dan tidak terlalu memberati orang yang ditaksir zakatnya. Pada asasnya, pengeluaran zakat bukan bertujuan untuk memberatkan petani, tetapi sebaliknya satu mekanisma agihan kekayaan dari sudut ekonomi dan tanda ketaatan seseorang kepada perintah Allah pada prinsipnya.

## ii. Kos Sara Hidup

Syarat utama kewajipan zakat ialah ia dipungut daripada orang yang mempunyai lebihan kekayaan. Sekiranya kekayaan yang dimilikinya sekadar cukup untuk memenuhi keperluan dirinya dan orang yang berada di bawah tanggungannya seperti isteri, anak-anak, ibu bapa yang uzur dan sebagainya maka tidak wajar mengutip zakat daripada orang tersebut. Keperluan di sini adalah keperluan asasi seorang manusia mengikut standard keperluan semasa seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan dan juga keperluan-keperluan asas yang lain sesuai dengan keperluan semasa.

Kos sara hidup yang perlu diambil kira ialah kos sara hidup untuk keperluan asas petani, keluarga dan orang-orang yang di bawah tanggungannya seperti kos untuk pendidikan anak-anak, kos perubatan, tempat tinggal, pakaian dan sebagainya. Keperluan asas pada setiap masa dan zaman sentiasa berubah. Dahulu, kos pendidikan adalah percuma atau pada kadar yang sangat rendah, dan bukanlah kos utama sesebuah keluarga. Tetapi sekarang, pendidikan adalah satu keperluan utama dan seorang bapa terpaksa menanggung kos pendidikan anak, sama ada di peringkat rendah, menengah atau tinggi. Oleh itu kos sara hidup petani yang rendah di kampung bukanlah satu petanda bahawa mereka mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk anak dan keluarga mereka. Sekiranya anak-anak mereka belajar di pusat pengajian tinggi di bandar, mereka terpaksa menanggung kos hidup anak-anak mereka di bandar sebagaimana penduduk di bandar juga.

Secara logiknya pula, zakat tentulah tidak dikenakan kepada orang miskin kerana kutipan zakat itu akan diagihkan kepada golongan fakir dan miskin. Sekiranya zakat dipungut daripada golongan miskin untuk diagihkan kepada golongan miskin juga, sudah tentu tiada sebarang makna kewajiban zakat diperundangkan.

Terdapat perbincangan tentang perkara ini oleh sarjana Islam klasik seperti Ibn 'Umar yang berpendapat bahawa zakat dikira setelah ditolak kos pengeluaran pertanian dan juga kos sara hidup (Ibn Qudāmah, 1997, jil. 4 : 265).

Dari segi amalan pada zaman Rasulullah SAW pula baginda telah memberi panduan bahawa zakat dipungut daripada orang kaya sebagaimana sabdanya yang bermaksud (Abū 'Ubayd, 1988 : 693)

Ambillah daripada orang-orang kaya dan kembalikan kepada orang-orang yang miskin.

Abū Hurairah melaporkan bahawa Rasulullah SAW bersabda maksudnya (Al-Nawawī, 1997, jil. 7: 58):

Zakat tidak dikenakan kepada kuda dan hamba untuk kegunaan peribadi.

Menurut ḥadīth di atas, walaupun memiliki kuda dan hamba adalah lambang kekayaan, tetapi apabila ianya digunakan untuk urusan peribadi ia tidak akan dikenakan zakat.

Oleh sebab zakat perlu dikutip daripada orang kaya, sudah tentu zakat yang akan dikutip itu adalah lebihan daripada kegunaan untuk kos sara hidup petani dan keluarganya. Sekiranya pendapatan daripada pertanian itu sudah mencukupi untuk perbelanjaan kos sara hidup dia dan orang-orang yang berada di bawah tanggungannya, barulah beliau dengan senang hati mengagihkan lebihan kekayaannya kepada orang lain yang memerlukannya.

Oleh sebab nafkah adalah satu tanggungjawab kepada ketua keluarga, sudah tentu seseorang itu perlu menunaikan tanggungjawab tersebut terlebih dahulu sebelum membelanjakan kekayaannya untuk perbelanjaan-perbelanjaan lain. Prinsip ini berdasarkan kisah yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Jābir bahawa Rasulullah SAW berkata kepada seorang lelaki (Al-Nawawī, 1997, jil. 7: 84):

Berikanlah terlebih dahulu untuk kepentingan dirimu, apabila lebih berikanlah untuk isterimu, apabila masih lebih berikanlah kepada keluarga dekatmu apabila masih lebih berikanlah kepada yang lain-lain.

Kos sara hidup wajar diambil kira dan perlu ditolak bagi menentukan pendapatan petani itu mencukupi nisab atau sebaliknya. Berdasarkan amalan Rasulullah SAW sendiri yang amat bertimbang rasa kepada petani dan tidak terlalu menekan mereka sebagaimana dilaporkan oleh Sahal bin Abū Hathmah yang bermaksud (Abū Ubayd, 1988 :585):

Apabila kamu membuat penaksiran hendaklah kamu ambil zakatnya dan tinggalkan 1/3. Jika kamu tidak tinggalkan 1/3 hendaklah tinggalkan 1/4.

Malahan khalifah ʻUmar bin Al-Khaṭṭāb juga mengingatkan para penaksir zakat supaya mengambil kira kebijakan petani dalam taksiran mereka (Abū Ubayd, 1988 : 586):

Basyīr bin Yasār menceritakan bahawa semasa ʻUmar bin Al-Khaṭṭāb menghantar Abū Hathmah Al-Anṣārī untuk menaksir kekayaan umat Islam, beliau berpesan "Apabila kau lihat ada yang sudah memetik kurmanya, biarkan itu untuk mereka makan jangan dimasukkan lagi ke dalam taksiran."

Menurut Al-Bahūtī (1999, jil. 2 : 282), orang yang membuat taksiran (*khāriṣ*) hendaklah meninggalkan 1/3 atau 1/4 untuk memberi peluang atau kemudahan kepada tuan harta. Larangan supaya tidak terlalu ketat ini terkandung di dalam beberapa ḥadīth antaranya ialah:

- i. ḥadīth yang diriwayatkan oleh Sahal bin Abū Hathmah yang bermaksud (Abū Ubayd, 1988: 585):

Apabila kamu sudah menaksir kadar zakat, pungutlah dan tinggalkan sepertiganya, apabila tidak sepertiga tinggalkan seperempat.

- ii. Ibn ‘Abd Al-Bar meriwayatkan ḥadīth daripada Jābir sabda Rasulullah ṢAW yang bermaksud (Abū ‘Ubayd, 1988: 586):

Rasulullah ṢAW telah menghantar seorang penilai dan berpesan kepadanya jangan terlalu berat menaksir, kerana dalam kekayaan itu terdapat *al-‘ariyyah* dan *al-waṭaniyyah*.

Menurut Abū ‘Ubayd (1988: 586) *al-‘ariyyah* ialah kurma yang dipinjamkan oleh pemiliknya kepada orang yang memerlukan. Manakala *al-waṭaniyyah* pula ialah buah yang menjadi hak bagi orang yang melalui tempat bertentangan pokok tersebut.

*Al-Kharṣ* ialah satu kaedah menaksir hasil tanaman dan dilakukan oleh seorang lelaki yang adil dan pakar dalam membuat anggaran itu. Majoriti sarjana Islam berpendapat disunatkan membuat anggaran ke atas buah kurma dan buah anggur, tetapi tidak disunatkan ke atas buah-buahan yang lain seperti buah zaitun. Anggaran itu dibuat ketika buah menjadi masak dan sesuai untuk dipetik, dan bukan sebelum itu. Pihak berkuasa perlu menghantar petugas untuk membuat anggaran kadar zakat apabila buah sudah sesuai dipetik. Al-Syāfi‘ī (2001, jil. 2 : 257) dan Al-Bahūtī (1999, jil. 2 : 280) mengatakan bahawa pemerintah sunat menghantar penaksir berdasarkan ḥadīth ‘Āishah yang bermaksud:

Nabi ṢAW telah menghantar ‘Abd Allāh bin Rawāḥah kepada orang Yahudi untuk menilai tamar mereka sebelum dimakan.

Hadīth yang lain pula daripada Sa‘īd bin al-Musayyab daripada ‘Atab bin Asīd :

Bahawa Nabi ṢAW telah menghantar orang kepada orang ramai untuk menganggar kurma mereka dan buah-buahan mereka.

Dia hendaklah memberitahu pemilik tentang kedatangan pengutip atau orang yang diutus membuat anggaran. Jika imam tidak mengutip sesiapa maka pemilik boleh membawa seorang pakar (mengenai buah) untuk menganggar buah kurma dan anggur yang ada di dalam kebunnya itu, sama ada kedua-duanya telah kering atau masih dalam

keadaan basah. Tujuannya ialah supaya pakar itu dapat menetapkan mana yang diwajibkan zakat.

Penganggaran boleh dibuat oleh seorang jurutaksir sahaja, seperti yang dilakukan oleh Nabi ﷺ ketika mengutus ‘Abd Allāh bin Rawāḥah untuk mengira kurma ketika sesuai dipetik dan tidak ada orang lain diutus bersamanya. Penaksir akan membuat anggaran berdasarkan ijtiadnya (Al-Bahūtī, 1999, jil. 2 : 280).

Al-Khaṭīb Al-Syarbīnī (1997, jil. 1 : 573) pula berpendapat jurutaksir itu mesti memenuhi beberapa syarat iaitu :

- i. Dia hendaklah seorang yang adil atau beramanah kerana anggaran yang dibuat oleh orang fasiq tidak diterima;
- ii. Penaksir mestilah seorang lelaki yang merdeka kerana tugas membuat anggaran ialah dikira wilayah (mentadbir). Oleh itu bagi beliau hamba dan perempuan tidak layak dilantik sebagai jurutaksir; dan
- iii. Jurutaksir juga mestilah seorang yang mempunyai pengetahuan tentang pengiraan kerana pengiraan adalah ijtiad. Seseorang yang jahil tentang sesuatu bukanlah layak berijtiad dalam perkara itu.

Berdasarkan etika penaksir zakat yang perlu mengambil berat tentang kebajikan petani, maka ia menunjukkan bahawa Islam tidak menyusahkan petani sebaliknya menjaga kepentingan mereka.

### **5.11 Zakat Pertanian Bagi Tanah Yang Disewa Oleh Petani**

Bagi petani yang mengusahakan pertanian di atas tanah yang disewa daripada tuan tanah, wujud perselisihan pendapat di kalangan sarjana Islam tentang orang yang patut membayar zakat sama ada petani atau tuan tanah. Para sarjana Islam telah mengemukakan dua pendapat, satu pendapat mengatakan zakat patut dibayar oleh petani dan satu pihak berpendapat tuan tanah yang patut membayar zakatnya.

### **i. Golongan Berpendapat Zakat Dikenakan Kepada Tuan Punya Tanah**

Abū Ḥanīfah (Al-Kāsānī, 1998, jil. 2 : 174) berpendapat zakat dikenakan ke atas tuan tanah kerana ia merupakan sebahagian daripada biayanya. Tambahan pula hasil yang diperoleh itu adalah bermakna kepada tuan tanah kerana dia mendapat sewa, seolah-olah dia menanam sendiri.

### **ii. Golongan Berpendapat Zakat Dikenakan Kepada Penyewa**

Abū Yūsuf (Al-Kāsānī, 1998, jil. 2 : 174) berpendapat zakat dikenakan ke atas petani penyewa sebab zakat wajib ke atas hasil pertanian yang menjadi milik penyewa. Oleh itu penyewa berkewajipan mengeluarkan zakat seperti dalam kes orang yang meminjam penggunaan tanah.

Sarjana Islam yang lain juga sepandapat dengan Abū Yūsuf bahawa jika seseorang petani menyewa atau meminjam tanah untuk ditanam dengan tanaman yang diwajibkan zakat, beliau wajib mengeluarkan zakat sebanyak 1/10. Mereka berpendapat zakat wajib dikeluarkan oleh penyewa atau peminjam dan bukan tuan tanah, kerana kewajipan zakat adalah pada hasil tanaman dan penyewa atau peminjam adalah pemilik kepada hasil tanaman itu. Mewajibkan zakat kepada pemilik tanah adalah satu kezaliman kerana zakat itu dikenakan ke atas tanaman. Dalilnya ialah zakat tidak wajib jika tanah itu tidak ditanam dan kewajipan zakat itu berkait dengan kadar tanaman (Al-Bahūtī, 1999, jil. 2 : 283).

## **5.12 Kesimpulan**

Para orientalis Barat berpendapat bahawa, para sarjana Islam tidak boleh mengeluarkan pemikiran yang asli kerana segalanya sudah termaktub di dalam al-Quran dan al-ḥādīṣ. Pandangan ini ternyata adalah tidak tepat sama sekali. Jika dilihat dari segi pelaksanaan kutipan zakat pertanian ini, sungguhpun terdapat dalil Al-Quran

dan al-ḥadīṣ, tetapi masih terdapat ruang yang memerlukan penyelidikan dan pemikiran para sarjana Islam. Malahan pandangan mereka juga telah memberi implikasi amalan yang berbeza, contohnya tanaman-tanaman yang diwajibkan zakat. Penyelidikan Abū Hanīfah begitu luas dan mendalam. Sebab itulah beliau berpendapat bahawa semua tanaman yang dikomersialkan diwajibkan zakat, berlainan dengan sarjana Islam yang lain yang menghadkan kepada tanaman tertentu sahaja kerana kekangan cara mereka melakukan penyelidikan.

Bagi sarjana Islam, asas pemikiran mereka mestilah berpandu kepada Al-Quran dan al-ḥadīth terlebih dahulu. Selepas itu barulah mereka menggunakan metode-metode lain dalam menyelesaikan permasalahan berkaitan kutipan zakat pertanian.

Kajian dan penyelidikan berkaitan kaedah pengeluaran zakat pertanian yang menjaga maslahah ummah perlu dilakukan oleh sarjana Islam kontemporari sesuai dengan pelbagai perubahan dalam sektor pertanian. Ini kerana perkembangan dalam sektor pertanian menyebabkan berlaku pelbagai perubahan dalam aktiviti pengeluaran pertanian masyarakat petani. Oleh itu, kajian khusus perlu dilakukan untuk memastikan bahawa kutipan zakat pertanian dapat dilaksanakan supaya menepati kehendak syarak. Di Malaysia pelbagai perubahan juga telah berlaku dalam sektor pertanian contohnya terdapat pelbagai jenis tanaman yang telah dikomersialkan dan mendatangkan pulangan yang menguntungkan para petani.

Dalam masa yang sama, petani juga terpaksa menanggung pelbagai kos pengeluaran pertanian. Oleh itu, kajian menyeluruh perlu dilakukan untuk mengemas kini kaedah kutipan zakat pertanian yang mengambil kira kos pengeluaran pertanian sebagai bebanan kepada petani dan perlu ditolak terlebih dahulu sebelum menentukan kadar nisab zakat pertanian.